



JAWATAN KOSONG
KETUA JABATAN KEWANGAN (GRED EX-6)
SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI TAHUNAN	TARAF JAWATAN
1.	Ketua Jabatan Kewangan	EX-6	RM 8,100.00	RM 13,920.00	RM 550.00	Kontrak

Nota : Tertakluk kepada Terma & Syarat Perkhidmatan berkuatkuasa. Syarikat berhak meminda atau menambah sebarang terma & syarat perkhidmatan berdasarkan keperluan dan kepentingan operasi Syarikat.

SYARAT LANTIKAN :

1. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai Himpunan Purata Nilai Mata (CGPA 3.00 dan ke atas) yang cemerlang;
2. Mempunyai kelayakan profesional ACCA atau CIMA serta ahli berdaftar dengan MIA atau berpengalaman dalam isu perakaunan secara operasi dan teknikal;
3. Mempunyai sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun pengalaman dalam pengurusan kewangan;
4. Lulus kursus / latihan dan / atau ujian yang ditetapkan oleh Syarikat;

SYARAT TAMBAHAN :

1. Keutamaan Anak Melaka atau pasangan atau ibu bapa berasal dari Melaka;
2. Tiada hubungan kekeluargaan dengan anggota yang bekerja di SAMB (pasangan, ibu bapa, anak, adik-beradik termasuk ipar).

BIDANG TUGAS UTAMA :

1. Bertanggungjawab untuk menyelia prestasi kewangan Syarikat dengan memantau bajet menggunakan kemahiran analitikal (advanced analytical skill) dan menyelesaikan masalah (problem solving skill);
2. Bertanggungjawab untuk menasihati Pengurusan Tertinggi dalam membuat keputusan berdasarkan prestasi dan maklumat kewangan Syarikat;
3. Bertanggungjawab dalam pembangunan pelan perniagaan dan pengurusan kewangan Syarikat;
4. Memastikan polisi dan prosedur kewangan Syarikat dilaksanakan secara teratur;
5. Memastikan laporan kewangan Syarikat dilaksanakan dan rekod perakaunan mematuhi undang-undang dan peraturan yang digunapakai;
6. Bertanggungjawab dalam memimpin pasukan kerja yang aktif dan positif, hubungan kerjasama yang baik antara pihak dalaman, luaran dan pihak berkepentingan dalam memastikan pengurusan kewangan berimpak tinggi serta mengawal selia prestasi dan operasi kewangan Syarikat.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 8 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)